

**SULIT**



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS	:	HUBUNGAN ETNIK
KOD KURSUS	:	UWS 10202 / UQU 10202 / UQU 10602
KOD PROGRAM	:	BBB/BBC/BBE/BBF/BBG/BDC/BDD/ BDM/BEJ/BEV/BFF/BIM/BIP/BIS/ BIW/BNA/BNB/BNC/BND/BNE/BNF/ BNG/BNL/BNM/BNN/BNT/BPA/BPB/ BPC/BPD/BPP/BWA/BWC/BWD/ BWQ/BWW
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN / JULAI 2019
JANGKA MASA	:	1 JAM 45 MINIT
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1) JAWAB <b>SEMUA SOALAN</b> DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.</li><li>2) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.</li></ol>

**S1** Apakah maksud *unity in diversity* di Malaysia menurut sudut pandangan psikologi sosial?

- A Menggunakan perbezaan sosial sebagai pelantar untuk memperjuangkan kesukuan dan chauvanisme
- B Mewujudkan keadaan aman dan stabil dalam sesebuah masyarakat yang rencam agar dapat meraih kesenangan
- C Mengungkapkan satu bentuk rasa kesatuan yang merentas pemisahan fizikal dan psikologikal serta meliputi konteks metafizikal
- D Suatu rumusan yang menyimpulkan dan mengartikulasikan bagaimana manusia mengurus serta menyusun dari segi abstrak dan nyata, perbezaan sosial yang sedia ada dalam kalangan masyarakat

**S2** Manakah antara berikut merupakan ideologi negara bagi melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan bersemangat cintakan negara?

- A Rukun Negara
- B Rukun Tetangga
- C Sambutan Citra Warna
- D Program Latihan Khidmat Negara 2.0

Soalan 3 berdasarkan **Pernyataan 1**

**Pernyataan 1**

Masyarakat Malaysia suka bertikam lidah, tetapi tidak menggunakan parang

(Petikan: Shamsul Amri, 2012)

**S3** Apakah yang dapat dijelaskan berdasarkan petikan di atas?

- A Kesepaduan sosial
- B Pluraliti Alam Melayu
- C Masyarakat pluralistik
- D Perpaduan dalam kepelbagai

**S4** Apakah faktor yang mewujudkan pelbagai bangsa di Malaysia?

- A Kapitalisme
- B Federalisme
- C Imperialisme
- D Neokolonialisme

**Soalan 5 berdasarkan Pernyataan 2****Pernyataan 2**

Sekumpulan manusia yang berkongsi budaya yang sama, menduduki satu kawasan yang khas dan merasai kewujudan mereka sebagai satu entiti yang bersatu padu dan berbeza dengan yang lain

**S5** Apakah konsep yang merujuk kepada definisi di atas?


- A Ras
- B Etnik
- C Etnisiti
- D Budaya

**Soalan 6 berdasarkan Pernyataan 3****Pernyataan 3**

Satu proses penggabungan kebudayaan masyarakat yang berbeza-beza untuk membentuk satu kebudayaan serta identiti masyarakat yang baru

**S6** Apakah proses yang digambarkan dalam pernyataan di atas?

- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Akomodasi
- D Amalgamasi

Soalan 7 berdasarkan **Rajah 1****Rajah 1**

**S7** Apakah proses integrasi P?

- A Asimilasi
- B Dominasi
- C Pluralisasi
- D Akomodasi

**S8** Apakah maksud Etnosentrisme?

- A Budaya sendiri lebih baik daripada budaya orang lain
- B Sosialisasi masyarakat harus dirujuk kepada hubungan budaya
- C Tidak memperakui kewujudan budaya lain dalam masyarakat mereka
- D Sumbangan orang lain tidak diperlukan dalam membina masyarakat mereka

**S9** Manakah antara berikut yang tidak benar tentang konsep hubungan etnik?

- A Streotaip ialah kenyataan umum yang negatif terhadap etnik lain
- B Prejudis ialah pandangan negatif yang diluahkan secara terbuka tentang etnik lain
- C Diskriminasi ialah membanding bezakan kelompok etnik berdasarkan ciri-ciri etnik semata-mata
- D Rasisme ialah pandangan negatif terhadap kelompok lain berdasarkan ciri fizikal-biologi yang nyata

**S10** Apakah strategi yang diambil oleh kerajaan untuk mengimbangi pencapaian ekonomi pelbagai etnik di Malaysia pada tahun 1971 sehingga 1990?

- A Penggunaan teknologi terkini dalam industrialisasi
- B Pembangunan insan sebagai penggerak kemajuan ekonomi
- C Perubahan pembangunan pertanian sara diri kepada komersial
- D Penumpuan pembangunan untuk menyusun semula masyarakat

- S11** Antara berikut yang manakah bukan strategi penyusunan masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru?
- A Mengurangkan ketidakseimbangan dalam sektor guna tenaga  
B Memastikan pembentukan masyarakat perdagangan bumiputera  
C Menetapkan 30 peratus guna tenaga Bumiputera di sektor swasta  
D Meninggikan daya pengeluaran dan taraf kehidupan golongan miskin
- S12** Manakah antara berikut bukan tujuan Wawasan 2020 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju berteraskan keharmonian hubungan pelbagai etnik?
- A Mewujudkan masyarakat penyayang  
B Mewujudkan saingen kekuatan ketenteraan  
C Mewujudkan masyarakat merdeka, maju dan berketerampilan  
D Mewujudkan masyarakat unggul yang berdaya saing dan dinamik
- S13** Apakah asas Perlembagaan Malaysia yang digunakan pada hari ini?
- A Perlembagaan Malayan Union  
B Perlembagaan United Kingdom  
C Perlembagaan Persekutuan 1948  
D Perlembagaan Tanah Melayu 1957
- S14** Manakah antara berikut tidak menjelaskan mengenai hak kebebasan asasi di Malaysia?
- A Setiap warganegara berhak untuk mendapat pendidikan  
B Setiap warganegara berhak untuk bercakap dan mengeluarkan idea  
C Kerja-kerja yang berkaitan dengan hukuman penjara dikira sebagai kerja  
D Tidak seorang pun boleh dibuang negeri atau ditahan daripada memasuki Persekutuan
- S15** Siapakah ahli-ahli yang menganggotai Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat 1949?
- A Dato' Onn Jaafar, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tan Cheng Lock, C.C. Tan, Tun Sambathan  
B Tun Abdul Razak, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tan Cheng Lock, C.C. Tan, Tun Sambathan  
C Dato' Onn Jaafar, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tan Cheng Lock, C.C. Tan, E.E.C Thuraisingham  
D Tun Abdul Razak, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Tan Cheng Lock, C.C. Tan, E.E.C Thuraisingham

**S16** Manakah antara berikut pernyataan yang salah mengenai Yang di-Pertuan Agong?

- A Lambang taat setia
- B Bertindak sebagai Ketua Negara
- C Yang di-Pertuan Agong tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah
- D Ketua ketiga-tiga cabang kerajaan, iaitu pentadbiran, perundangan dan kehakiman

**S17** Apakah yang dimaksudkan dengan kontrak sosial?

- A Perbezaan antara orang Melayu dan Bumiputera dengan kaum pendatang
- B Syarat yang dikenakan oleh pihak British bagi memerdekakan Tanah Melayu
- C Satu perjanjian yang telah dimeterai antara orang Melayu dan bukan Melayu semasa zaman penjajahan
- D Satu persetujuan bersama yang telah dicapai dalam kalangan pelbagai pihak bagi kepentingan bersama

**S18** Apakah kaedah yang digunakan oleh Parti Perikatan sehingga mencapai kejayaan besar dalam Pilihan Raya Umum tahun 1955?

- A Mengamalkan sentimen perkauman yang ekstrim
- B Konsisten menentang pihak British dengan kekerasan dan perperangan
- C Bekerjasama dengan Inggeris memanipulasi proses dan keputusan pilihanraya
- D Berjuang dalam mempertahankan hak kaum masing-masing, dalam masa yang sama selari dengan objektif besar Parti Perikatan

**S19** Manakah yang berikut merupakan parti politik yang menyertai Parti Perikatan pada tahun 1972?

- A Parti Islam Se-Malaysia
- B *Democratic Action Party*
- C *Malaysian Indian Congress*
- D *Malaysian Chinese Association*

**S20** Apakah kepentingan kewujudan *Sarawak United Peoples' Party* kepada etnik bumiputera di Sarawak sebelum tahun 1960an?

- A Menjadi alasan untuk semua etnik bersikap rasis melalui parti politik
- B Menjadi penyebab lain-lain parti politik menyebarkan propaganda perkauman
- C Menjadi inspirasi kepada etnik bumiputera untuk menubuhkan parti politik masing-masing
- D Menjadi aspirasi kepada penjajah untuk menyekat kemaraan parti politik berdasarkan etnik

**S21** Apakah implikasi utama Sistem Residen terhadap institusi Kesultanan Melayu?

- A Kuasa sultan terhakis
- B Kuasa sultan bertambah
- C Kuasa sultan dijumudkan
- D Kuasa sultan lebih mutlak

**S22** Apakah peruntukan yang meneliti kedudukan agama dalam Perlembagaan Persekutuan?

- A Perkara 2
- B Perkara 3
- C Perkara 4
- D Perkara 5

**S23** Bagaimanakah cara untuk mengatasi konflik yang berlaku dalam konteks agama?

- A Melakukan demonstrasi jalanan
- B Menghadirkan diri ke kelas agama
- C Menganjurkan dialog antara agama
- D Mempersoalkan isu agama menerusi media

**S24** Apakah peranan agama dalam konteks pengurusan hubungan etnik?

- A Agama menitikberatkan ilmu pengetahuan
- B Agama mengutamakan kehidupan berkualiti
- C Agama menjamin ketataan kepada pemimpin
- D Agama menganjurkan kehidupan secara harmoni

**S25** Apakah istilah yang tidak berkaitan dengan ritual dan perayaan agama Sikh?

- A *Mahaguru*
- B *Char kurahit*
- C *Granthi Sahib*
- D *Guru ka langgar*

**S26** Manakah antara berikut tidak akan mencetuskan perpecahan antara etnik?

- A Toleransi
- B Perkauman
- C Diskriminasi
- D Etnosentrisme

- S27** Apakah tujuan penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional?
- A Memupuk dan memelihara perpaduan antara etnik  
B Menyelesai dan meleraikan ketegangan antara etnik  
C Memantau dan menstabilkan perpaduan antara etnik  
D Merancang dan menyusun program kemasyarakatan antara etnik
- S28** Apakah strategi yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mempertingkatkan perpaduan dan integrasi nasional?
- A Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 1990 - 1999  
B Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2000 - 2004  
C Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2005 - 2010  
D Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional 2010 - 2020
- S29** Apakah pendekatan dalam aktiviti kemasyarakatan yang telah diperkenalkan menerusi Rukun Tetangga?
- A Strategi Integrasi Wilayah  
B Strategi Program dan Aktiviti Perpaduan  
C Strategi Perpaduan dan Pertubuhan Sukarela  
D Strategi Pemantauan Isu-isu Semasa dan Konflik
- S30** Apakah nama institusi pendidikan awal yang dibangunkan dan dimajukan secara gotong-royong dalam kalangan masyarakat setempat untuk mengatasi masalah buta huruf?
- A Sekolah Melayu  
B Sekolah Pondok  
C Sekolah Jenis Kebangsaan  
D Sekolah Aliran Kebangsaan
- S31** Apakah falsafah di sebalik ungkapan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ yang menjadi kebanggaan negara?
- A Setiap bangsa mempunyai bahasa  
B Bahasa melambangkan identiti bangsa  
C Bahasa alat komunikasi sesuatu bangsa  
D Semua bangsa harus menutur satu bahasa

- S32** Apakah aliran bahasa yang digunakan dalam sistem pendidikan vernakular bersesuaian dengan keadaan struktur masyarakat majmuk pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu?

- A Melayu, Cina dan Tamil
- B Inggeris, Melayu dan Cina
- C Arab, Melayu, Cina dan Tamil
- D Arab, Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil

Soalan 33 berdasarkan **Pernyataan 4**

**Pernyataan 4**

Perlakuan saling bergantungan terus diulang dalam tempoh yang lama menzahirkan hubungan berbentuk kesepaduan dalam masyarakat

- S33** Merujuk pernyataan di atas, pilih situasi yang benar.

- A Masakan Yong Tau Foo sangat diminati oleh kaum Melayu
- B Ah Kaw dan Abu sering bersama menonton pertandingan bola sepak
- C Ikan yang ditangkap Pak Man dijual oleh Tong Seng di pasar dan dibeli oleh Maniam
- D Letupan mercun yang memecah kesunyian malam tidak dirasai sebagai gangguan kepada ahli masyarakat sekitar

Soalan 34 berdasarkan **Pernyataan 5**

**Pernyataan 5**

“Aiya Cik Siti perempuan banyak muda  
Ana banyak susah jalan tutup mata  
Wang dan ringgit ana dah tak heran  
Ente tutup mata ana tak tentu jalan”

- S34** Lirik lagu dalam pernyataan diatas menjelaskan bahawa kesepaduan sosial juga boleh dicapai melalui

- A lagu hiburan
- B media sosial
- C filem tempatan
- D drama mingguan

**S35** Apakah keunikan yang dapat dilihat apabila semua etnik di Malaysia mampu menyanyikan lagu Jalur Gemilang, Malaysia Maju dan Wawasan 2020?

- A Rakyat Malaysia mempunyai bakat menyanyi
- B Rakyat Malaysia memahami suara hati pemimpin
- C Rakyat Malaysia bersatu hati untuk mencapai matlamat yang sama
- D Rakyat Malaysia mempunyai harapan yang sama untuk hidup aman harmoni

**S36** Bagaimanakah usaha membentuk masyarakat berintegrasi berdasarkan acuan *unity in diversity*?

- I Pendidikan bersepada
- II Semangat patriotisme
- III Dialog dan toleransi agama
- IV Pembinaan bangsa Malaysia

- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S37** Apakah ciri-ciri kepelbagaian etnik di Malaysia?

- I Anutan agama
- II Fahaman politik
- III Etnik dan budaya
- IV Bahasa dan adat resam

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S38** Apakah faktor yang mempengaruhi kejayaan proses asimilasi antara etnik sesebuah negara?

- I Terdapat banyak persamaan budaya antara etnik
- II Sikap prejudis etnik minoriti terhadap etnik majoriti
- III Kesanggupan etnik minoriti mengenepikan identiti mereka
- IV Dasar pemerintah yang mewajibkan asimilasi sesama etnik diwujudkan

- A I dan III sahaja
- B I dan IV sahaja
- C III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

**S39** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri utama teori masyarakat majmuk merujuk kepada JS Furnivall (1948)?

- I Bergaul tetapi tidak bergabung
- II Wujud kelas-kelas tertentu dalam masyarakat
- III Masyarakat yang hidup bercampur antara satu sama lain tetapi tidak bersatu
- IV Setiap kumpulan berpegang dengan agama, budaya, bahasa, idea dan cara hidup yang sama

- A I dan III sahaja
- B I dan IV sahaja
- C III dan IV sahaja
- D II, III dan IV sahaja

**S40** Empayar Melaka pernah digelar sebagai *The Venice of the East* pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Apakah faktor kejayaan tersebut?

- I Kewujudan masyarakat pluralistik yang berdagang
- II Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan dasar pintu terbuka
- III Hubungan dua hala dengan negara luar serta cukai yang tertinggi di pelabuhan Melaka
- IV Pemerintahan yang berdasarkan Hukum Kanun Melaka serta Undang-undang Laut Melaka

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan IV sahaja
- D III dan IV sahaja

**S41** Manakah antara berikut merupakan strategi penyelesaian masalah kemiskinan jangka panjang bagi menjamin perpaduan kaum di Malaysia?

- I Meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat
- II Menambah daya pengeluaran dan pendapatan
- III Merapatkan jurang pendapatan di antara etnik
- IV Memastikan pengagihan pendapatan sama rata

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

**S42** Apakah dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang boleh menjaskan keharmonian antara kaum?

- I Dasar Penswastaan
  - II Dasar Ekonomi Baru
  - III Dasar Pendidikan Kebangsaan
  - IV Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- 
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S43** Manakah antara berikut merupakan perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan perpaduan dan hubungan etnik?

- I Sistem politik
  - II Hak istimewa orang Melayu
  - III Bahasa Melayu bahasa rasmi negara
  - IV Agama Islam agama persekutuan negara
- 
- A I dan II sahaja
  - B I, II dan III sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S44** Manakah antara yang berikut merupakan kesan ketara daripada sikap ahli parti politik yang sering memanipulasikan isu perkauman bagi meraih sokongan rakyat?

- I Emosi rakyat mudah sensitif
  - II Rakyat terikat dengan persepsi
  - III Persefahaman pelbagai kaum terjejas
  - IV Wujud amalan politik bersifat dendam
- 
- A I, II dan III sahaja
  - B I, III dan IV sahaja
  - C II, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S45** Manakah antara berikut merangkumi pengertian Islam dari segi bahasa?

- I Tulen dan suci
  - II Patuh dan rela
  - III Berserah dan taat
  - IV Aman dan sejahtera
- 
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

**S46** Manakah antara strategi berikut telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional melalui sistem pendidikan di sekolah-sekolah?

- I Mewujudkan sekolah Wawasan
  - II Memperkenalkan satu aliran persekolahan sahaja
  - III Memperkenalkan Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan
  - IV Menawarkan mata pelajaran Bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah aliran kebangsaan
- 
- A I dan II sahaja
  - B I, II dan III sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

Soalan 47 berdasarkan **Pernyataan 6**

#### **Pernyataan 6**

Hubungan etnik dalam bidang pendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menumpukan dasar dan matlamat perpaduan di peringkat sekolah

**S47** Apakah matlamat perpaduan di peringkat sekolah?

- I Menerapkan nilai murni antara etnik
  - II Menjalankan sistem pendidikan berdasarkan etnik
  - III Melahirkan masyarakat bersatu padu tanpa mengira etnik
  - IV Membentuk sebuah masyarakat bersatu padu dan progresif
- 
- A I dan II sahaja
  - B II dan III sahaja
  - C I, III dan IV sahaja
  - D I, II, III dan IV

**S48** Manakah antara berikut merupakan elemen kemesraan berkomunikasi bagi mengeratkan hubungan etnik di Malaysia?

- I      Menyayangi antara satu sama lain
  - II     Berkomunikasi dengan etnik serumpun
  - III    Memberi salam atau mengucapkan selamat
  - IV    Tidak memandang rendah terhadap orang lain
- 
- A      I dan II sahaja
  - B      III dan IV sahaja
  - C      I, III dan IV sahaja
  - D      I, II, III dan IV

**S49** Manakah antara berikut merupakan pernyataan yang tepat berhubung dengan pengalaman harian membentuk kesepaduan sosial?

- I      Media elektronik merujuk kepada internet, *facebook* dan majalah
  - II     Makanan ruang bukan awam ialah makanan yang boleh dinikmati oleh sesiapa sahaja
  - III    Kepelbagai makanan menunjukkan proses akomodasi dan akulturasi yang berlaku
  - IV    Iklan kemerdekaan oleh petronas berjaya membangkitkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat
- 
- A      I dan II sahaja
  - B      II dan III sahaja
  - C      II dan IV sahaja
  - D      III dan IV sahaja

**S50** Manakah antara berikut merupakan cabaran perpaduan etnik di Malaysia selepas merdeka?

- I      Perbezaan budaya antara etnik
  - II     Pengasingan sistem pendidikan
  - III    Penempatan penduduk yang tidak setara
  - IV    Ketidakseimbangan penguasaan dan pengagihan ekonomi
- 
- A      I dan II sahaja
  - B      II dan III sahaja
  - C      I, III dan IV sahaja
  - D      I, II, III dan IV

- SOALAN TAMAT -